

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
Penggal Keempat
ATORAN URUSAN MESHUARAT

Hari Ithnin, 3hb. Desember, 1962 Pukul 10.00 pagi

No. 19

59

Pertanyaan2 Bagi Jawab Mulut

1. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom benar-kah bahawa sharikat yang mengambil kontrek untuk mendirikan Rumah Sakit Beranak, Kuala Lumpur yang baharu itu telah membayar \$100 sa-hari semenjak lhb. November, 1962, sa-bagai bayaran ganti rugi kerana tidak dapat menyiapkan kerja mendirikan Rumah Sakit itu dalam tempoh yang di-tetapkan.
2. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom jika perkara yang di atas itu benar, mengapa rancharangan yang begitu besar telah di-beri untuk di-sempurnakan oleh sharikat yang tidak dapat menyudahkan kerja itu dalam tempoh yang di-tetapkan sungguh pun telah di-beri tempoh berkali2.
3. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom berapa harga rumah baharu yang di-dirikan untuk Timbalan Perdana Menteri, berapa buah bilek2-nya dan ada-kah pelan yang awal bagi rumah itu telah di-ubah dan, jika di-ubah, sudah berapa kali di-ubah.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU USUL2

1. (DR.35/62) Rang Undang2 Perbekalan - Sambongan perbahatan mengenai Masaalah, "Bahawa Rang Undang2 ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (lhb. Desember, 1962).
2. Anggaran Belanja Pembangunan, 1963 (Cmd.43 tahun 1962) di-sambong sa-mula perbinchanganya dalam perengkat Jawatan-Kuasa sa-buah2 Majlis (30hb. November, 1962).
3. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Majlis ini memutuskan bahawa hendak-lah di-rakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan ia-itu negeri Persekutuan Tanah Melayu ini ia-lah di-punyai oleh bangsa Melayu.

4. Enche' V. David akan menchadangkan:

Memandang kapada perasaan tidak puas hati di-kalangan polis2 biasa yang terbit daripada nilai pendapatan mereka sekarang dan daripada harapan2 naik pangkat, maka Majlis ini mengambil ketetapan bahawa sa-buah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-lantek oleh Kerajaan bagi menyiasat masaalah ini dengan sa-penoh-nya.

5. Enche' V. David akan menchadangkan:

Memandang kapada perasaan tidak puas hati di-kalangan Pekerja2 Gaji Hari Kerajaan yang terbit daripada nilai pendapatan mereka sekarang, maka Majlis ini mengambil ketetapan bahawa sa-buah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-lantek oleh Kerajaan bagi menyiasat masaalah ini dengan sa-penoh-nya.